

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA
*MAJLIS PECAH TANAH RAIN GARDEN, JALAN JETI LAMA &
MAJLIS PERASMIAN BUTTERWORTH ART WALK
26 MAC 2017(AHAD), JAM 12:00 TENGAHARI
DI LORONG SEBELAH LODGE 18, BUTTERWORTH***

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli MMK Kerajaan Negeri
Pulau Pinang**

Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN

Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Parlimen

**Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP**

**Yang Berusaha Encik Murali Ram
Pengurus Projek Think City**

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

.....
Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh, Selamat Tengahari
dan Salam Sejahtera,

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi hadir ke Majlis Pecah Tanah *Rain Garden*, Jalan Jeti Lama & Majlis Perasmian *Butterworth Art Walk* pada hari ini.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Projek Naik Taraf Tempat Letak Kereta (TLK) Sediaada kepada Tempat Letak Kereta dan *Rain Garden* ini adalah di bawah Pelan Butterworth Baharu dengan kerjasama MPSP dan Think City. Projek Naik Taraf Tempat Letak Kereta sediada kepada Tempat Letak Kereta dan *Rain Garden* ini melibatkan kos sebanyak RM495,528.00. Cadangan projek naik taraf ini melibatkan sebahagian Lot 1195 dan

Lot 211 (TOL MPSP) dan keseluruhan Lot 2632 milik MPSP.

Komponen Projek adalah :

- i. Platform (*Raised Stage*)
- ii. Pam dan alur air (*Pump & Channel*)
- iii. Teres (*Stepped Terrace*)
- iv. Bangku
- v. Lampu
- vi. Petak letak kereta OKU dan basikal

Jumlah petak letak kereta sedia ada adalah 18 petak. Tiada petak OKU dan petak basikal. Selepas kerja-kerja naik taraf ini siap, kita akan mendapat 17 petak letak kereta yang mana terdapat 2 petak OKU dan 12 petak letak basikal. Kerja-kerja naik taraf ini dijangka siap sebelum BFF 2017 iaitu pada 12 dan 13 Ogos 2017.

Apakah *Rain Garden*? *Rain garden* adalah salah satu daripada cara untuk mengurangkan pencemaran dan memulihara alam sekitar. *Rain garden* ini mempunyai reka bentuk bandar yang sensitif air dimana ia direka untuk menakung air larian yang berlebihan dari kawasan tempat letak kereta. Ini adalah projek rain garden yang

pertama di Seberang Perai. Pokok-pokok akan ditanam akan menghijaukan kawasan tempat letak kereta ini dan sesuai sebagai tempat beriadah oleh masyarakat setempat. Ini adalah selaras dengan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mewujudkan Pulau Pinang Lebih Bersih, Hijau, Selamat, Sihat dan Ceria.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Usaha mengindahkan Lorong Bagan Luar 1 yang kini dinamakan *Butterworth Art Walk* ini merupakan pengisian program di bawah Intervensi Pelan Tindakan Pekan Lama, Pelan Butterworth Baharu yang mana selaras dengan Fokus MPSP 2017 iaitu untuk mewujudkan persekitaran yang hijau dan indah. Arkitek kelahiran Butterworth, Zaini Zainul telah berkolaborasi bersama MPSP dan Think City bagi projek ini yang terbahagi kepada 3 fasa. Kerja-kerja penghasilan lukisan mural di bawah fasa pertama dijayakan oleh 7 orang pelukis iaitu Shazwan Jalil, Syamsul Addenno, Suhaimi Ali, Hadi Ramli, Nazmi Jamarudin, Shahidan Muhamad, Amir Andha

dan Azmi Husin. Sebanyak 9 lukisan mural telah dihasilkan di dinding lorong belakang Lorong Bagan Luar 1. Projek ini dipilih sebagai satu inisiatif untuk menghidupkan lorong-lorong bangunan yang tidak terjaga tetapi selamat dan strategik. Ia juga mempunyai impak yang positif dalam memberi mesej melalui kaedah pendidikan yang disampaikan secara lukisan. Lukisan mural ini akan memberi imej baharu kepada Butterworth sebagai satu kawasan tumpuan ramai yang minat kepada seni mural dan sejarah Butterworth.

Konsep yang diketengahkan dalam lukisan mural itu memaparkan sejarah Butterworth. Lukisan mural tersebut adalah:

- i. Dua ekor gajah berbentuk poligon yang berwarna-warni (*two elephants made up of colourful polygonal shapes*)
- ii. Aktiviti petani di sawah padi (*farmers working in padi fields*)
- iii. Setem Malaya bernilai satu sen (*a one-cent Malayan stamp*)
- iv. Logo Negeri-negeri Selat (*the Straits Settlement Coat of Arms*)
- v. 1kg gula Perai (*1kg bag of Prai Sugar*)
- vi. Gerai air tebu (air tebu stall)
- vii. Seni silat
- viii. Pokok tebu (*sugarcane plants*)

ix. William John Butterworth, Gabenor Negeri-negeri Selat tahun 1843-1855 (*the governor of the Straits Settlements between 1843 and 1855*).

Fasa pertama sejauh 150 meter telah diperakui untuk diluluskan sebagai laluan bebas kenderaan. Ketiga-tiga fasa ini yang merangkumi jarak 400 meter akan menghasilkan sebanyak 45 mural dan 10 arca dan dijangka siap sepenuhnya dalam bulan Julai 2017 iaitu sebelum BFF 2017 iaitu pada 12 dan 13 Ogos 2017.

Akhir kata, saya bagi pihak MPSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan *Butterworth Art Walk* dan menjadikan Butterworth sebagai hub inovatif dan kreatif. Kami berharap agar orang ramai menghargai dan memulihara mural yang dihasilkan ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, Terima kasih.